

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK WIRA HAJAH MAS  
ERMIEYATI BINTI SAMSUDIN  
[ MASJID TANAH ]**

**TARIKH : 25 MAC 2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 49**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berapakah jumlah sekolah penerbangan swasta yang beroperasi di Malaysia dan bagaimanakah pihak Kementerian membantu dalam melahirkan lebih ramai juru terbang di Malaysia.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, sekolah penerbangan swasta atau dikenali sebagai *Approved Flying Training Organisation* (AFTO) adalah sebuah akademi yang melatih dan melahirkan juruterbang yang bertauliah dalam mengendalikan pesawat. Buat masa ini, Malaysia mempunyai lima (5) buah sekolah penerbangan swasta. Tiga (3) daripadanya adalah khas untuk penerbangan kapal terbang, satu sekolah adalah khas untuk penerbangan helikopter dan satu lagi sekolah penerbangan adalah merangkumi penerbangan kapal terbang dan juga helikopter.
2. Berdasarkan kepada keperluan syarikat penerbangan tempatan, dianggarkan seramai kira-kira 150 hingga 200 juruterbang baharu adalah diperlukan dalam setahun. Jumlah ini adalah bagi menggantikan juru terbang yang bersara, berhenti atau pembukaan laluan baharu.
3. Manakala, setiap sekolah penerbangan mampu melatih dan melahirkan kira-kira 60 orang juruterbang setiap tahun. Namun jumlah ini adalah tertakluk kepada perubahan dan keadaan seperti pelatih berhenti disebabkan pelbagai sebab.
4. Seiring dengan pertumbuhan industri penerbangan di Malaysia dan rantau Asia Pasifik yang pesat, permintaan terhadap juru terbang dijangka akan terus meningkat pada masa yang akan datang. Pihak Kementerian melalui Pihak Berkusa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) akan terus memantau permintaan dan keperluan juruterbang tempatan dan akan memastikan Malaysia mempunyai bilangan juruterbang yang mencukupi. CAAM akan bekerjasama rapat dengan industri dan pemegang taruh (*stakeholders*) yang lain agar para pelajar yang berpotensi dan bercita-cita menjadi juruterbang dapat merealisasikan impian mereka tanpa dibebankan oleh kos latihan yang terlalu tinggi.

**NO. SOALAN: 49**

5. Pada masa yang sama, Kerajaan melalui CAAM akan terus menitikberatkan aspek pengiktirafan sibus penerbangan yang ditawarkan oleh sekolah penerbangan awam.

Sekian, terima kasih.